



فرسكوتوان كبغسان برباسيكل مليسيا
MALAYSIAN NATIONAL CYCLING FEDERATION
PERSEKUTUAN KEBANGSAAN BERBASIKAL MALAYSIA

Registration No. : 0002/98

No.3-24, Jalan PM 9, Plaza Mahkota, 75000 Melaka, Malaysia
Tel : +606 2830150 | Fax : +606 2836786 | Email : mncf@mail.com
Website : www.mncf.org.my



Ruj. Kami : PKBM/NC/MTB/2023 (01)
Tarikh : 07hb JULAI 2023

Presiden/ Setiausaha Kehormat
Semua Ahli Gabungan/ Pasukan Benua,
Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia.

Y. Bhg. Dato'/ Datuk/ Tuan/Puan,

JEMPUTAN MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM KEJOHANAN MOUNTAIN BIKE KEBANGSAAN 2023

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) dengan kerjasama Majlis Sukan Negara (MSN) akan menganjurkan **Kejohanan Mountain Bike (MTB) Kebangsaan 2023** pada **28hb sehingga 30hb Julai 2023** bertempat di **Taman Cabaran Putrajaya**

3. Sehubungan itu, PKBM ingin menjemput pasukan Y. Bhg. Dato'/ Datuk/ Tuan/ Puan untuk mengambil bahagian di dalam kejohanan ini sepertimana butiran berikut:

i. Pengesahan Pendaftaran Pasukan/ Pemeriksaan Lesen dan Jersi

Tarikh : 27hb Julai 2023 (Khamis)
Masa : 09:00 – 13:00
Tempat : Aras 1, Bike Park, Taman Cabaran, Putrajaya

ii. Latihan Rasmi

Tarikh : 27hb Julai 2023 (Khamis)
Masa : 3.00 – 6.00 petang
Tempat : Taman Cabaran Putrajaya

iii. Taklimat Kejohanan/ Mesyuarat Pengurus Pasukan/ Mesyuarat Teknikal

Tarikh : 27hb Julai 2023 (Khamis)
Masa : 3.00 petang
Tempat : Aras 1, Bike Park, Taman Cabaran, Putrajaya

iv. Kejohanan

Tarikh	: 28hb sehingga 30hb Julai 2023
Tempat	: Taman Cabaran, Putrajaya.
Bayaran	: Yuran Penyertaan – RM50 seorang
Kategori & Acara	: Mohon rujuk Peraturan Spesifik Kejohanan

4. Setiap pelumba **DIWAJIBKAN** mempunyai lesen lumba basikal bagi tahun 2023 serta memakai **Jersi Pasukan Negeri yang seragam**. Mana-mana atlet yang **tidak mempunyai lesen tidak akan dibenarkan bertanding** dan sebarang permohonan baru semasa Mesyuarat Pengurus tidak akan dipertimbangkan.

5. Bersama-sama ini disertakan Borang Penyertaan dan **Borang penyertaan hendaklah dikembalikan kepada PKBM sebelum atau pada 25hb Julai 2023** menggunakan email dalam format MS-Excel.


5. PKBM mengucapkan jutaan terima kasih di atas penyertaan serta sokongan daripada Y. Bhg. Dato'/ Datuk/ Tuan/ Puan.

Sekian,

“KE ARAH KECEMERLANGAN SUKAN BERBASIKAL MALAYSIA”

“SUKAN BERBASIKAL DI PERSADA ANTARABANGSA”

Yang benar,


DATUK HAJI/ABU SAMAH BIN HAJI ABD. WAHAB
DMSM, KMN, SMT, SMP(Ps), DSM, AMP(Pk), AMP (Ps)
Presiden
Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia